

12/06/2003

Skim kredit mikro dapat sambutan peniaga kecil

Hussain Said

BANK Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang diberi tanggungjawab melaksanakan Skim Kredit Mikro sudah meluluskan

464 permohonan bernilai RM5.8 juta kepada peniaga kecil di seluruh negara

sejak dilancarkan 4 Jun lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail, berkata BPMB meluluskan 268 permohonan membabitkan RM3.8 juta, manakala BSN meluluskan

RM2 juta daripada 196 permohonan.

"Bagaimanapun, hingga Isnin lalu, BPMB menerima 1,404 permohonan, sementara 10,894 permohonan dikemukakan kepada BSN untuk dipertimbangkan.

"Daripada angka itu, kita boleh sifatkan peniaga kecil di seluruh negara

memberi sambutan amat menggalakkan terhadap kedua-dua skim pinjaman itu,"

katanya.

Beliau berkata demikian selepas taklimat mengenai skim itu kepada lebih

30 anggota persatuan peniaga di pejabat BPMB negeri, di Seremban, semalam.

Turut hadir Timbalan Pengurus Besar I BSN, Ahmad Zaki Abdul Razak; Pengurus BSN negeri, Mohd Ali Yusuf; Pengurus BPMB Negeri Sembilan/Melaka,

Mohd Mohdi Jupri dan Pengurus BPMB cawangan Seremban, Subri Md Noh.

Menurut Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi

melaksanakan Skim Kredit Mikro bertujuan memberi pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada jumlah itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberi pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Baki pinjaman disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menerusi BPMB.

Hashim berkata kedua-dua skim itu adalah langkah murni kerajaan membantu

rakyat memulakan dan mengembangkan perniagaan, selain mengelak mereka membuat pinjaman dengan along.

Katanya, kedua-dua skim itu adalah pinjaman mudah dan cepat serta memberi banyak faedah kepada peniaga kecil seluruh negara.

"Kita berharap peniaga mengambil kesempatan kemudahan pinjaman ini.

Pada

masa sama, kita harap mereka jujur ketika membuat permohonan. Apa yang penting, mereka harus membayar balik pinjaman mengikut perjanjian yang dimeterai agar kedua-dua skim dapat dikembangkan untuk faedah semua

peniaga kecil negara ini," katanya.

Katanya, BPMB dan BSN akan sentiasa memantau setiap permohonan pinjaman sebelum diluluskan bagi mengelak penipuan.